

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 08 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai industri yang berhadapan dengan kekurangan bakat yang diperlukan. Nyatakan jumlah kekurangan ini untuk setiap industri dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik di Portal MYFutureJobs, industri pembuatan mencatat permintaan tenaga kerja tempatan yang tinggi. Faktor utama yang menyumbang kepada permintaan ini adalah kerana syarikat tidak dapat menggajikan pekerja asing disebabkan oleh penutupan pintu sempadan negara dan pembekuan pengambilan tenaga kerja asing oleh Kerajaan.

Sehingga November 2021, sebanyak 116,134 kekosongan jawatan telah diiklankan di Portal MYFutureJobs bagi industri pembuatan. Daripada jumlah kekosongan tersebut, jawatan *Factory Hand* mencatatkan sebanyak 47,962 kekosongan jawatan, *Glove Maker* sebanyak 5,715 kekosongan dan 1,875 kekosongan bagi jawatan *Electronic Equipment Assembler*.

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), jumlah kekosongan pekerjaan keseluruhan sehingga 19 November 2021 adalah sebanyak 2,098,779. Jumlah kekosongan pekerjaan aktif pula adalah sebanyak 422,105 kekosongan dengan jumlah pencari kerja aktif seramai 792,424 orang.

Walaupun bagaimanapun, terdapat isu ketidakpadanan tawaran pekerjaan (*demand*) dan pencari kerja (*supply*) di peringkat tahap pendidikan, kemahiran, industri, gaji dan lokasi.

Di samping itu, statistik dari SIP juga menunjukkan jurang yang agak tinggi di antara kekosongan jawatan yang ditawarkan berbanding penempatan pekerjaan mengikut industri. Sebagai contoh, kekosongan jawatan bagi industri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, nisbah hasil (*yield ratio*) kekosongan pekerjaan kepada penempatan yang ditunjukkan adalah sebanyak 5.21 peratus. Bagi industri Pembuatan sebanyak 8.03 peratus dan 9.74 peratus pula ditunjukkan bagi industri Pembinaan.

SOALAN NO : 37

Nisbah hasil yang ditunjukkan di antara kekosongan jawatan yang ditawarkan dan penempatan yang berlaku mengikut industri adalah sangat rendah. Perkara ini jelas menunjukkan berlakunya **ketidakpadanan** di antara kekosongan pekerjaan dan penempatan pekerjaan dalam negara.

Pihak industri sering membangkitkan isu kekurangan tenaga kerja yang menjejaskan operasi mereka, terutamanya berikutan sekatan perjalanan (moratorium) yang dilaksanakan untuk mengawal kemasukan pekerja asing bagi mengekang penularan COVID-19 dalam negara.

Setelah Kerajaan melonggarkan syarat pergerakan dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjana semula ekonomi negara, statistik Indeks Pengeluaran Perindustrian DOSM telah mencatatkan pertumbuhan positif termasuk bagi subsektor utama seperti elektrik dan elektronik (E&E), kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain, dan produk petroleum, kimia, getah dan plastik.

Penularan wabak COVID-19 ini telah meningkatkan permintaan bagi sesetengah produk berkaitan perubatan seperti sarung tangan getah yang menggalakkan pihak industri sarung tangan getah untuk meningkatkan jumlah pengeluaran bagi memenuhi permintaan tinggi produk berkenaan. Selain itu, beberapa sektor lain seperti Elektrik & Elektronik dan perabot turut berkembang semasapasca COVID-19 memandangkan terdapat peningkatan permintaan terhadap produk tersebut.

Dalam proses pemulihan ekonomi negara, Kerajaan telah membuka semula semua sektor ekonomi untuk beroperasi dan menggerakkan semula ekonomi negara yang terkesan dengan impak COVID-19. Walaupun begitu, pihak industri masih menyatakan bahawa kekurangan tenaga buruh telah mengekang operasi industri dalam meningkatkan kapasiti yang optimum bagi memenuhi permintaan antarabangsa.

SOALAN NO : 37

Pihak industri memohon untuk mendapatkan tenaga kerja tambahan dalam meningkatkan pengeluaran mereka. Walau bagaimanapun, peningkatan pengeluaran ini terbatas disebabkan oleh kekurangan rakyat tempatan yang berminat untuk menjadi operator pengeluaran di kilang-kilang tersebut dengan gaji yang ditawarkan di paras yang rendah berbanding kos sara hidup.

Kerajaan memandang serius isu berkaitan kekurangan pekerja di pelbagai sektor di Malaysia. Langkah dan inisiatif yang diambil untuk mengatasi masalah ini adalah melalui:

- i. program **Penjana Kerjaya 3.0** yang bertujuan menyediakan peluang kerjaya bagi membantu golongan mudah terjejas dengan memberi dorongan kepada majikan untuk membuat pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke atas, OKU dan bekas banduan.
- ii. Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO juga menyediakan program-program bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran pekerja seperti khidmat kaunseling kerjaya, pemprofilan kemahiran, penulisan *resume*, latihan persediaan temuduga, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan bagi mereka yang mencari pekerjaan.
- iii. Meluaskan **Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)** meliputi golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO termasuklah graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal yang dikenali sebagai **SIP Prihatin 2.0**.

Pencari kerja yang belum mencarum dengan PERKESO perlu mendaftar di Portal Pekerjaan Negara, **MyFutureJobs** dan perlu menghadiri temuduga terbuka sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh dua bulan. **Insentif EMP akan diberikan sebanyak RM300 sebulan**. Sekiranya pencari kerja kembali

SOALAN NO : 37

bekerja atau mendapat pekerjaan melalui MyFutureJobs, **jumlah insentif sebanyak RM400** akan turut diberikan.

- iv. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melancarkan inisiatif **PENJANA HRDCorp**. Lima (5) skim telah diperkenalkan yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang (GIG)**.

Skim-skim ini diwujudkan untuk membantu rakyat mendapat penempatan pekerjaan, *self-employed* serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka. Setakat November 2021, PSMB telah meluluskan sebanyak **85,527 pelatih** bagi mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri ini.

- v. **HRDCorp Placement Centre (HPC)** yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Setakat Ogos 2021, sebanyak **41,914 peluang pekerjaan tersedia** melalui HPC dan lebih **4,000 pekerja berjaya** ditempatkan melalui inisiatif ini.

Selain itu, Kerajaan juga sentiasa menyeru pihak industri untuk memainkan peranan yang lebih proaktif dalam meningkatkan usaha menggaji pekerja tempatan serta mengurangkan kebergantungan kepada guna tenaga asing melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- i. menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing dan mewujudkan peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran;
- ii. penggajian pekerja asing dari mana-mana negara sumber hendaklah berdasarkan kepada keperluan sebenar industri dan sektor-sektor yang dibenarkan sahaja;

SOALAN NO : 37

- iii. melaksanakan *multi-tier levy* pada 1 Januari 2022 dimana pengambilan pekerja asing adalah berdasarkan *Dependency Ratio Ceiling (DRC)* iaitu nisbah antara pekerja tempatan dan pekerja asing;
- iv. syarat-syarat permohonan pekerja asing diperketatkan dari segi penetapan nisbah pengambilan berdasarkan komposisi pekerja tempatan dan pekerja asing;
- v. hanya majikan yang berkeupayaan dan mematuhi standard perburuhan seperti pematuhan gaji minimum, menyediakan kemudahan penginapan beserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja dipertimbangkan kelulusan pekerja asing. Keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan Jabatan Tenaga Kerja;
- vi. mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System (IBS)* dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif mekanisasi dan automasi, restoran berkonsepkan layan diri dan sebagainya;
- vii. program *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* untuk warga tempatan diperkasakan bagi melahirkan individu berkemahiran tinggi selaras dengan hasrat Negara untuk beralih daripada industri berintensif buruh kepada *high end industry*; dan
- viii. pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja.